

**INISIATIF BANTUAN MAKANAN DALAM MENANGANI KETIDAKSELAMATAN MAKANAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN INSTITUSI ZAKAT**  
**FOOD ASSISTANCE INITIATIVE IN ADDRESSING FOOD INSECURITY DUE TO COVID - 19 PANDEMIC BY THE STATE ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL (MAIN) AND ZAKAT INSTITUTIONS**

Noorfazreen Mohd Aris<sup>1\*</sup>, Norizah Mohamed @ Haji Daud<sup>2</sup>, Sharipah Amirah Abas<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, noor\_areen@uitm.edu.my.

<sup>2</sup>Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, norizahdaud@uitm.edu.my.

<sup>3</sup>Pelajar, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, sharipahamirah@gmail.com

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembedulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

### Abstrak

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia amnya dan Malaysia khususnya sangat memberi kesan kepada ekonomi rakyat dan negara. Kesan tersebut akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari PKP 1.0 sehingga PKP 3.0 bagi membendung penularan virus. Pelaksanaan PKP menyebabkan banyak sektor ekonomi ditutup. Justeru, ramai dalam kalangan rakyat Malaysia telah kehilangan pekerjaan dan hilang tempat tinggal atas faktor kewangan dan ekonomi. Sumber pendapatan yang berkurangan ataupun tiada langsung telah memberi kesan kepada ketidakselamatan makanan rakyat yang terlibat. Ketidakselamatan makanan berlaku apabila manusia tidak dapat memperoleh makanan yang cukup sepanjang masa untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Tanpa makanan yang cukup dan seimbang sama ada dari segi kuantiti atau kualiti nutrien, tahap kesihatan individu akan terjejas. Pelbagai pihak perlu berganding bahu menangani masalah ketidakselamatan makanan ini. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Zakat merupakan institusi utama menguruskan pungutan dan agihan zakat, fidyah dan sedekah. Agihan sumber perlu diagihkan secara menyeluruh kepada mereka yang memerlukan terutama ketika pandemik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti inisiatif bantuan makanan yang dijalankan oleh MAIN dan Institusi Zakat di Malaysia berikutan berlaku Pandemik COVID-19. Data dikumpulkan dengan menggunakan analisis dokumen yang diperoleh dari pelbagai sumber yang terdiri buku, jurnal, kertas prosiding, laman web dan akhbar dalam talian. Hasil kajian mendapati MAIN dan Institusi Zakat di setiap negeri telah memainkan peranan penting dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dengan kadar dana dan bentuk bantuan yang berbeza. Bantuan yang diberikan dilihat dapat membantu terutamanya dalam memenuhi keperluan asas golongan yang terjejas.

### Kata Kunci

COVID-19, ketidakselamatan makanan, Zakat, bantuan makanan, pendapatan

### Abstract

*The COVID-19 pandemic that hit the global and Malaysia had a profound impact on the economy of the people and the country. The effect is due to the implementation of the Movement Control Order (PKP) which starts from PKP 1.0 to PKP 3.0 to curb the spread of the virus. The implementation of the PKP caused many economic sectors to close. As a result, many Malaysians have lost their jobs, lost their livelihoods for their households and lost their homes due to financial and economic factors. Decreased or non-existent sources of income have affected the food insecurity of the people involved. Food insecurity occurs when humans are unable to obtain enough food all the time for an active and healthy life. Without adequate and balanced food either in terms of quantity or quality of nutrients, the health level of the individual will be affected. Various parties need to work together to address this*

*problem of food insecurity. The State Islamic Religious Council (MAIN) and the Zakat Institution are the main institutions managing the collection and distribution of zakat, fidyah and alms. The distribution of resources should be distributed comprehensively to those in need especially during this pandemic. The objective of this study is to review food aid initiatives carried out by MAIN and Zakat Institutions in Malaysia following the COVID-19 Pandemic. Data were collected using library research methods obtained from various sources consisting of books, journals, proceedings papers, websites and online newspapers and data analyzed using inductive and deductive. The results of the study found that MAIN and Zakat Institutions in each state have played an important role in channeling aid to the needy with different funding rates and forms of assistance. The assistance provided is seen to be helpful especially in meeting the basic needs of the affected groups.*

**Keywords**

COVID-19, food insecurity, Zakat, food aid, income

**1.0 Pengenalan**

Bermula pada 2019, telah menular penyakit Coronavirus (COVID-19) iaitu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh coronavirus yang baru ditemui. COVID-19 telah mula di kesan di negara China dengan kes pertama di sahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei, China. Kes pertama di Malaysia disahkan pula pada 25 Januari 2020. Sehingga kini, penyakit COVID-19 ini masih menular dengan kepelbagaian varian di Malaysia (KKM, 2021). Sebilangan besar orang yang dijangkiti virus COVID-19 ini akan mengalami penyakit pernafasan ringan hingga sederhana dan pulih tanpa memerlukan rawatan khas manakala, orang yang lebih tua dan mereka yang mempunyai masalah perubatan yang mendasari seperti penyakit kardiovaskular, diabetes, penyakit pernafasan kronik, dan barah cenderung menghidap penyakit serius (WHO, 2019). Bagi mencegah penularan penyakit ini, kerajaan persekutuan Malaysia membawa kepada langkah-langkah pengawalan antaranya ialah dengan melakukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memperlambatkan serta menghentikan penularannya.

Malaysia telah menguatkuasakan PKP 1.0 bermula 18 Mac 2020 dan sehingga kini PKP 3.0. PKP yang dilaksanakan memberi kesan kepada 33.8 juta rakyat di Malaysia yang terdiri daripada 76.6 peratus tinggal di bandar dan 23.4 peratus di luar bandar. PKP 3.0 telah dikuatkuasakan pada 12 Mei 2021 dan Prosedur Operasi Standard (SOP) diperketatkan termasuk larangan rentas negeri dan daerah serta sekatan bagi aktiviti ekonomi tertentu, sosial, sukan dan rekreasi serta persidangan dan mesyuarat secara bersemuka (Pejabat Perdana Menteri, 2021). Penularan dalam komuniti yang semakin meningkat dan kewujudan varian baharu yang lebih agresif dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi menyebabkan usaha untuk melandaikan lengkung jangkitan mengambil masa yang lebih panjang. Oleh itu, ia memberi impak yang besar kepada ekonomi rakyat dan negara. Pendapatan dan perbelanjaan rakyat telah terjejas akibat dari PKP yang dilaksanakan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Ada diantara mereka yang mengalami pengurangan pendapatan dan yang lebih teruk lagi, tiada langsung pendapatan kerana diberhentikan kerja atau hilang mata pencarian. Akibat daripada itu, mereka berdepan dengan ketidakselamatan makanan sebagai keperluan asas utama.

Makanan adalah komponen penting untuk mencapai kesejahteraan hidup. Setiap Muslim yang beriman hendaklah memakan makanan yang bersih, berkhasiat dan selamat bagi membentuk tubuh badan yang sihat dari segi fizikal serta spiritual (Shafie, S., Nazri, MA & Hussin, H., 2019). Makanan dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh tubuh badan manusia untuk meneruskan kehidupan. Tanpa makanan yang seimbang sama ada dari aspek kuantiti atau kualiti nutrien, tahap kesihatan individu akan terjejas. Oleh itu, ketidakselamatan makanan bukan merupakan satu isu yang perlu dibiarkan begitu sahaja. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan dalam memberikan bantuan makanan kepada golongan yang terkesan teruk daripada pandemik ini terutamanya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Zakat di Malaysia.

**1.1 Makanan dalam Islam**

Islam amat mengambil berat terhadap jiwa dan jasad manusia. Oleh itu, Islam mewajibkan makan dan minum dengan kadar yang paling minima bagi menjamin seseorang itu terus hidup dan terhindar dari sebarang kemudaratan terhadap nyawa (Wahbah Zuhaili, 1989). Menurut Sayyid Sabiq (1985), makanan ialah sesuatu yang boleh dimakan oleh manusia dengan tujuan untuk menjaga kesihatan, mendapatkan tenaga, kekuatan dan sebagainya. Makanan terdiri daripada dua sumber yang halal sama ada haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Semua

jenis makanan adalah halal kecuali yang mengandung najis, memabukkan, memudaratkan dan merupakan hak orang lain. Kaedah syarak dalam menentukan makanan yang diharamkan dan dihalalkan adalah dijelaskan daripada Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Surah al-An'am (6):145

Firman Allah S.W.T bermaksud:

Dan menghalalkan bagi mereka segala benda baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

Surah al-A'raf (7) :157

Maksud yang baik-baik dalam ayat tersebut ialah apa sahaja yang diterima dan diingini oleh jiwa manusia yang baik dan bersih. Makanan yang baik dapat diperolehi dari laut dan darat sama ada binatang atau tumbuhan.

### 1.1.1 Jenis-jenis Makanan

Bahan yang menjadi makanan manusia boleh dikategorikan kepada dua iaitu kategori tumbuh-tumbuhan dan kategori binatang:

#### a. Tumbuh-tumbuhan

Semua jenis tumbuh-tumbuhan adalah halal untuk dimakan kecuali yang bernajis, membahayakan dan yang memabukkan (al-Qurtubi, 1996). Tumbuhan yang najis dan terkena najis tidak harus dimakan. Sementara tumbuhan yang merbahaya yang boleh membawa mudarat dihukumkan haram memakannya sebagai contoh racun, batu dan kaca. Manakala, bagi sebarang benda yang tidak membawa mudarat seperti buah-buahan dan biji-bijian adalah halal dimakan. Sebagaimana Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?”

Surah al-A'raf (7): 32

Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dan tidakkah mereka (yang tidak mahu taat dan bersyukur) itu melihat bahawasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering kontang, lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman-tanaman, yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternak mereka dan mereka sendiri? maka mengapa mereka tidak mahu memerhati (semuanya itu supaya taat dan bersyukur)?”

Surah al-Sajadah (32): 27

#### b. Binatang

Untuk sumber makanan daripada binatang pula terbahagi kepada dua kategori iaitu binatang air dan binatang darat. Binatang yang diharuskan adalah binatang yang dinyatakan dan dihalalkan oleh syarak sama ada nas al-Quran atau as-Sunnah. Binatang yang termasuk di bawah kategori ini ialah binatang laut. Semua binatang laut iaitu ikan dan sebagainya adalah halal dan tidak ada yang diharamkan kecuali yang mengandungi racun yang merbahaya sama ada yang ditangkap atau didapati dalam keadaan mati (Syafi'i, 2002). Binatang laut tidak perlu disembelih sepertimana sesetengah binatang darat. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut...”

Surah al-Maidah (5): 96

Manakala binatang yang boleh hidup di laut dan di darat pula terdapat perbezaan pendapat dalam menyatakan hukum bagi binatang ini. Sebahagian ulama berpendapat bahawa semua jenis binatang

yang hidup di laut adalah halal walaupun ia boleh hidup di darat. Ini tidak termasuk katak kerana terdapat larangan untuk membunuhnya. Manakala sebahagian ulama lagi mengharamkannya.

Binatang darat yang halal adalah terdiri dari binatang ternakan iaitu unta, lembu, kambing, kuda, lembu, kerbau, kijang, arnab dan sebagainya yang dimakan oleh bangsa Arab dan terdapat nas syarak yang menghalalkannya (Syafi'i, 2002). Sebagaimana firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Dan Allah telah menciptakan binatang ternak untuk kamu, padanya ada bulu yang menghangatkan dan berbagai manfaat dan sebahagiannya untuk kamu makan”.

Surah an-Nahl (16):5

Berdasarkan ayat tersebut, semua binatang ternak adalah halal dimakan (Syafi'i, 2002). Sementara burung yang bukan pemangsa seperti merpati, itik air, angsa dan lain-lain juga dihalalkan untuk memakannya dan begitu juga binatang liar yang bukan menangkap mangsa seperti rusa, kijang dan lain-lain kerana terdapat keizinan daripada Nabi S.A.W. untuk memakannya. Ini jelas menunjukkan kepelbagai sumber makanan yang diboleh dimakan oleh manusia untuk kelangsungan hidup. Penjagaan nyawa amat dituntut dalam Islam dan merupakan salah satu matlamat maqasid Syariah yang perlu diperlihara oleh setiap Muslim.

## 2.0 Sorotan Kajian

Makanan adalah zat yang terdiri daripada protein, karbohidrat, lemak dan nutrien lain yang digunakan oleh tubuh untuk mengekalkan pertumbuhan dan merupakan proses penting dalam membekalkan tenaga (Britannica, 2021). Makanan adalah bahan yang boleh dimakan dan digunakan oleh badan untuk melaksanakan pelbagai fungsi. Aktiviti pemakanan yang baik akan membolehkan seseorang mendapat faedah daripada pengambilan sesuatu makanan. Ia dapat mengawal aktiviti organ-organ tubuh badan dengan baik serta membolehkan seseorang bergerak, berlari, bekerja, bermain dan sebagainya. Semua aktiviti ini sangat bergantung kepada jumlah tenaga yang mencukupi oleh tubuh badan manusia. Manakala makanan yang optimum pula perlu kepada manusia bagi tujuan penjagaan kesihatan, pembentukan organ badan serta dapat mengelak daripada diserang penyakit. Piramid makanan Malaysia merupakan panduan mudah bagi individu mempelbagaikan makanan harian mengikut sajian yang disarankan. Makanan yang seimbang mengandungi kombinasi pelbagai jenis makanan yang memberikan zat makanan yang diperlukan oleh tubuh manusia (KKM, 2021).

*Sustainable Development Goal 2* (SDG 2) menggariskan kecukupan bekalan makanan bagi memastikan populasi global yang semakin meningkat mendapat bekalan makan secukupnya. Matlamat SDG 2 adalah untuk menghentikan kelaparan, mencapai kecukupan bekalan dan pemakanan yang lebih baik serta mempromosikan pertanian lestari (UN, 2021) Untuk itu, matlamat SDG pada tahun 2030 adalah untuk memastikan semua orang khususnya kanak-kanak mempunyai makanan yang mencukupi dan berkhasiat sepanjang tahun. Ia perlu dirancarkan dengan mempromosikan pertanian lestari, menyokong pertanian berskala kecil dan akses yang sama terhadap penggunaan tanah, teknologi dan pasaran. Selain itu, kerjasama antarabangsa juga diperlukan untuk memastikan pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi untuk meningkatkan produktiviti pertanian (UNDP, 2021). Untuk memastikan matlamat yang ditetapkan berjalan lancar, *The State of Food Security and Nutrition in the World 2021* (SOFI, 2021) telah membuat penilaian global mengenai ketidakcukupan makanan yang kronik ketika pandemik COVID-19.

Setiap hari, masyarakat seluruh dunia berjuang untuk memberikan makanan yang berkhasiat untuk anak-anak mereka. Walaupun usaha memberikan makanan oleh World Food Programme (WFP) telah dijalankan untuk memberikan makanan yang cukup kepada semua orang, namun masih terdapat 811 juta orang masih tidur dalam keadaan kelaparan. Ketidakcukupan makanan ini telah mempengaruhi 135 juta orang di 55 negara pada tahun 2019 (UN, 2021). Masalah sekuriti makanan di peringkat global kerana pandemik COVID-19 memburukkan lagi keadaan masyarakat. Dalam konteks negara New Zealand, masalah sekuriti makanan masih menjadi isu dalam negara walaupun New Zealand merupakan negara pengeksport makanan dunia (De Silva et al., 2021). Keadaan penularan virus COVID-19 ini memberikan kesan yang besar kepada ketidakcukupan makanan disebabkan kekurangan sumber pendapatan akibat PKP yang dilaksanakan bagi membendung wabak.

Bantuan makanan adalah sesuatu bantuan yang diberikan dalam bentuk makanan bagi menghilangkan kelaparan. Antara objektif bantuan adalah untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) bagi meringankan beban penerima bantuan (Zainol et al., 2021). Kerajaan selaku pemerintah memainkan peranan yang sangat besar dalam membantu rakyat yang berada dalam kesusahan, dengan

memberikan bantuan dan sumbangan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam suasana penularan COVID-19 (Hasbullah & Ab Rahman, 2020). Di peringkat Majlis Agama Islam negeri (MAIN) pula, peruntukan bantuan melalui dana zakat telah dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan dengan segera dan meringankan beban mereka terutamanya (Mohamad Suhaimi, 2020). Penggunaan dana zakat untuk menghadapi kesulitan COVID-19 adalah selari dengan syariah dan maqasid Syariah iaitu dapat memelihara lima matlamat, agama, nyawa, akal, keturunan dan harta kepada pihak yang dibantu (Kadir et al., 2020). Zakat merupakan salah satu dana yang dapat dimanfaatkan untuk menolong orang-orang yang tidak dapat memenuhi keperluan asas (Jureid, 2020). Hal tersebut dapat dilihat melalui usaha yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan memberikan bantuan RM 3.6 Juta kepada 36,000 penerima yang hilang punca pendapatan. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban seisi rumah bagi keluarga yang terputus bekalan makanan disebabkan tidak dapat bekerja dan hilang pendapatan harian atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Zainol et al., 2021).

### 3.0 Objektif & Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti inisiatif bantuan makanan yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Institusi Zakat di Malaysia berikutan berlaku Pandemik COVID-19. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan. Data dikumpulkan menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kajian, masalah kajian dan kajian-kajian lepas yang diperolehi dari buku, jurnal, kertas persidangan, laman web dan sebagainya.

### 4.0 Dapatan Kajian

#### 4.1 Ketidakselamatan Makanan Akibat Pandemik COVID-19

Ketidakselamatan makanan berlaku apabila manusia tidak dapat memperoleh makanan yang cukup sepanjang masa untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Ia juga bermaksud ketidakdapatannya pemakanan yang seimbang, makanan yang tidak selamat dan ketidakupayaan untuk mendapat makanan disebabkan oleh faktor sosial dan budaya yang diterima pakai oleh semua masyarakat. Di peringkat isi rumah, ketidakselamatan makanan berpunca daripada status sosioekonomi yang rendah, ketidakseimbangan pengambilan diet dan status pemakanan yang rendah. Status sosioekonomi yang rendah sering berpunca daripada pendapatan bulanan yang rendah, pendapatan per kapita yang rendah, status pendidikan yang rendah, tidak mempunyai pekerjaan tetap di kalangan ahli keluarga dewasa (Sulaiman, 2004).

Pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia sejak 2019 telah membawa kepada kehilangan sumber pendapatan akibat dari PKP yang dilaksanakan. Pelaksanaan PKP telah memberi kesan yang teruk terhadap sektor pekerjaan. Banyak industri seperti pelancongan, perhotelan, perniagaan dan sektor pekerjaan lain terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat (Jabatan Perangkaan Negara, 2020). Keadaan ini menyebabkan kesan secara langsung kepada isi rumah yang bekerja dalam sektor-sektor tersebut. Terdapat isi rumah yang berdepan dengan keadaan cuti tanpa gaji, pengurangan gaji, dan juga pemberhentian kerja ini mengakibatkan mereka kehilangan sumber pendapatan. Begitu juga isi rumah yang bekerja sendiri seperti berniaga, nelayan dan petani turut terjejas (Ammituh & Abdullah, 2020). Tindakan drastik ini demi mengurangkan kerugian syarikat yang tidak dapat menampung kos perbelanjaan hingga terpaksa membuang pekerja dan sekaligus telah mengakibatkan kadar pengangguran dalam negara meningkat (Aziz@Dorashid, 2020).

Kekurangan atau ketiadaan sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19 telah membawa kepada masalah ketidakselamatan makanan pada peringkat kronik dan sederhana bagi mereka yang tiada wang untuk membeli makanan. Ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik amat dahsyat bila mana puluhan juta orang berisiko terjerumus dalam kemiskinan yang melampau, sementara jumlah orang yang kurang makan juga meningkat secara drastik (De Silva et al., 2021). Justeru itu, manusia akan mengalami kekurangan nutrien dan tenaga yang mengakibatkan diet yang tidak sempurna dan tidak seimbang kepada badan dan mudah mendapat jangkitan dan penyakit. Dalam keadaan ini, negara perlu memainkan peranan penting dalam mengurangkan atau menyelesaikan masalah ekonomi supaya keperluan asasi dapat diperolehi oleh ahli masyarakat. Program dan dasar perlu dilaksanakan di setiap peringkat bagi menangani masalah ketidakselamatan makanan. Antara inisiatif yang telah dilakukan ialah memberikan bantuan makanan kepada mereka yang memerlukan.

#### 4.2 Peruntukan Dana MAIN dan Institusi Zakat dalam tempoh PKP 3.0

Pihak yang bertanggungjawab iaitu MAIN dan Institusi Zakat telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu golongan yang memerlukan dan terkesan dengan pandemik COVID-19. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, setiap negeri telah memperuntukkan jumlah dana bantuan yang tinggi bagi membantu golongan tersebut. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Perak (MAIPK) telah memperuntukkan sebanyak RM10.9 juta dalam bentuk bantuan kecemasan kelangsungan hidup dan bank makanan (MAIPK, 2021), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) pula mengagihkan peruntukan keseluruhan RM4.3 juta kepada 21,492 Ketua Isi Rumah (KIR) dalam kalangan asnaf dan fakir miskin (Bakar, 2021), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan MAINS memperuntukkan RM2.6 juta menerusi Bantuan Zakat Khas kepada golongan sasar yang terkesan (Media Baharu, 2021), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memperuntukkan RM9.78 juta (Ahmad Zaidi, 2021), Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan agihan zakat sebanyak RM69.3 juta menerusi 19 inisiatif bantuan di bawah Zakat Selangor Peduli bagi menyantuni asnaf dan golongan B40 terkesan (LZS, 2021) dan seterusnya Zakat Pulau Pinang (ZPP) memperuntukkan RM1.5 juta bagi membantu golongan Fakir & Miskin yang terkesan (ZPP, 2021). Kesemua peruntukan ini adalah bermatlamat meringankan beban golongan susah susulan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Peruntukan dana ini adalah hasil dari pungutan zakat, sedekah dan fidyah yang terkumpul. Sebagai contoh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dana di bawah Tabung Musa'adah adalah hasil pungutan dari sumber korporat, pembiayaan fidyah dan sumbangan orang ramai (Ab Manap, 2021).

#### 4.3 Inisiatif Bantuan Makanan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Zakat

Pelbagai bentuk bantuan yang diberikan, sama ada dalam bentuk bahan makanan yang berupa hamper atau kit makanan dan juga dalam bentuk wang ringgit bagi menampung perbelanjaan keperluan asas. Antara negeri yang memberikan bantuan dalam bentuk bahan makanan ialah Pulau Pinang, iaitu dengan melancarkan Skim Bantuan Makanan Kecemasan pada 2 Jun 2021 (ZPP, 2021), di Perak, MAIPK telah melancarkan Bank Makanan (*Food Bank*) antara objektifnya, membantu penduduk Islam di negeri Perak yang mengalami masalah terputus bekalan makanan dan membasmi masalah kelaparan dan ketiadaan makanan (MAIPK, 2021). Seterusnya di Kedah, penduduk yang terputus bekalan makanan boleh mendapatkan makanan asas yang disediakan melalui program bank makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di 578 masjid seluruh Kedah. Antara jenis makanan dibekalkan LZNK di masjid adalah beras, gula, teh, kopi, telur, sardin, tepung, kicap, sos, bihun dan lain-lain dengan peruntukan sebanyak RM1 juta sebulan bagi penyediaan bantuan makanan asas terbabit (LZNK, 2021).

Manakala, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mewujudkan bantuan zakat kecemasan yang antaranya terdiri dari bantuan makanan harian bernilai RM49,000 yang melibat 678 bungkus sehari (MAIWP, 2021). Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pula telah menyediakan Gerobok Makanan untuk melengkapi keperluan harian yang diletakkan di setiap pejabat-pejabat baitulmal atau pejabat-pejabat Majlis agama Islam daerah di negeri Johor (MAINJ, 2021). Di Melaka, walaupun keutamaan bantuan diberikan oleh MAIM kepada masyarakat Islam namun, masyarakat bukan Islam yang kesempitan juga diberikan kit makanan yang sama bersumberkan dana am. Jelas disini menunjukkan begitu besar peranan yang diberikan oleh pihak bertanggungjawab ini dalam membantu kelangsungan hidup bagi mereka yang memerlukan di kala pandemik COVID-19. Dana zakat dan sedekah yang dikumpulkan dapat digunakan dengan sebaiknya seterusnya dapat mencapai matlamatnya. Pelbagai bantuan khas COVID-19 oleh MAIN dan Institusi Zakat boleh dilihat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Bantuan Khas COVID-19 oleh MAIN dan Institusi Zakat

Bil	Institusi	Peruntukan (Rm)	Bantuan	Catatan
1.	MAIJ (JOHOR)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 100.00 (Satu Isi Rumah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Barang Keperluan Asas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi keluarga yang terputus bekalan makanan &amp; hilang sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji. Dilaksanakan di seluruh daerah negeri Johor.</li> <li>• Gerobok Makanan.</li> </ul>

2.	<b>MAIM (MELAKA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Makanan Kecemasan. (RM 501,000.00)</li> <li>Bantuan Makanan Bulanan (RM 1,584,400.00)</li> <li>Bantuan Makanan Tambahan Bulanan (RM 864,000.00)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Kit Makanan Nutrisi Sejahtera (RM100 setiap satu)</li> <li>Bantuan Makanan Bulanan</li> <li>Bantuan Kit Makanan Orang Asli (RM40)</li> <li>Bantuan Makanan Kecemasan (<i>One-off</i> bernilai RM50)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Bantuan Kit Makanan Nutrisi Sejahtera:</b> Seramai 32,200 penerima B40 dan warga negara Malaysia yang bermastautin di Melaka. Diagihkan melalui 28 kompleks JAPERUN, 186 masjid serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negeri.</li> <li><b>Bantuan Makanan Bulanan</b> MAIM diteruskan secara automatik selama enam bulan membabitkan 1574 penerima</li> <li><b>Bantuan Kit Makanan</b> kepada 600 keluarga Orang Asli diteruskan selama tiga bulan bermula bulan Jun 2021.</li> <li><b>Bantuan Makanan Kecemasan</b> secara <i>one-off</i> bernilai RM50 setiap satu seramai 3000 penerima.</li> </ul>
3.	<b>MAINS (NEGERI SEMBILAN)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM 1,408,850.00</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Khas Tunai COVID-19</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>la inisiatif membantu golongan individu/keluarga yang terjejas sepanjang PKP terutamanya golongan B40, kehilangan pekerjaan, peniaga, penaja kecil dan pekerja harian.</li> <li>Bantuan daripada aspek keperluan asas.</li> </ul>
4.	<b>LZS (SELANGOR)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM 10.5 Juta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Zakat Selangor Peduli (sambungan daripada Bantuan Khas COVID-19 &amp; Bantuan Alternatif Insan Terkesan yang dilaksanakan pada PKP 1.0 &amp; PKP 2.0)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM10.5 juta diperuntukkan agihan zakat khusus untuk kelangsungan kumpulan rentan yang terkesan terutama golongan B40 yang terjejas pendapatan atau kehilangan pekerjaan membabitkan 15,000 penerima. Bantuan mula dimohon pada 2 Julai secara dalam talian untuk bantuan RM500 secara <i>one-off</i> mengikut syarat dan kelayakan.</li> <li>7 inisiatif bantuan bagi Bantuan Asas &amp; Keperluan Hidup bagi 29,622 penerima terdiri daripada asnaf fakir, miskin &amp; muallaf.</li> </ul>
5.	<b>MAIPk (PERAK)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM 10,900,000.00 (10 juta 900 ribu)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup</li> <li>Bank Makanan (<i>Food Bank</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup</b> bertujuan mengurangkan bebanan kehidupan golongan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP 3.0</li> <li><b>Bank Makanan (<i>Food Bank</i>)</b> dilaksanakan berperingkat di masjid setiap daerah di negeri Perak bagi mereka yang mengalami masalah terputus bekalan makanan.</li> </ul>
6.	<b>ZPP (PULAU PINANG)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Peruntukan tak dipaparkan lagi (Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa3)</i></li> <li>RM 1.5 juta Hamper bantuan makanan RM150 setiap satu (<b>Skim Bantuan Makanan Kecemasan PKP 3.0</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 3</li> <li>Skim Bantuan Makanan Kecemasan PKP 3.0</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 3</b> meringankan beban golongan asnaf fakir dan miskin yang hilang punca pendapatan. Skim bantuan ini menyasarkan kategori asnaf seperti pekerja gaji harian/bulanan, pemandu teksi, e-hailing, van/bas sekolah, peniaga pasar malam/pasar tani, guru agama tanpa majikan/pendakwah bebas bertauliah dan keluarga/pesakit COVID-19 (Sedang dalam kuarantin).</li> <li>Pemberian <b>Skim Bantuan Makanan Kecemasan PKP 3.0</b> ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan segera dari sudut barangan makanan dan keperluan asas dilancarkan pada 2 Jun 2021.</li> </ul>

7.	<b>LZK (KEDAH)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 1 juta (Sebulan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Bank Makanan</li> <li>• Agihan Khas Zakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk yang terputus bekalan makanan boleh mendapatkan makanan asas yang disediakan di 578 masjid seluruh negeri Kedah tanpa perlu isi borang. Jenis makanan yang dibekalkan adalah beras, gula, teh, kopi, telur, sardin, tepung, kicap, sos, bihun dan lain-lain. <b>Bantuan Program Bank Makanan</b> ini sudah mula pada tahun 2018 dan sistem bantuan ini sudah kukuh dan pantauan sentiasa dilakukan sekiranya mana-mana masjid memerlukan bekalan makanan.</li> <li>• <b>Agihan Khas Zakat</b></li> <li>• Sekiranya individu yang memerlukan bantuan kewangan perlu menghubungi pengurusan masjid atau amil di kawasan mereka.</li> </ul>
8.	<b>MAIPs (PERLIS)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 1.03 Juta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Makanan</li> <li>• Barang dapur basah</li> <li>• Pembayaran utiliti &amp; sebagainya</li> <li>• Bantuan Khas COVID-19</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan inisiatif tambahan bagi meringankan beban 5150 asnaf melalui 103 kariah masjid di negeri Perlis.</li> </ul>
9.	<b>MAIDAM (TERENGGANU)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 4.3 juta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Segera <i>One Off</i> Asnaf PKPD &amp; PKP 3.0</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan diberikan kepada ketua isi rumah (KIR) sebanyak RM200 yang terus disalurkan kepada akaun penerima bermula 8 Jun 2021. Seramai 21,491 penerima KIR dalam kalangan asnaf fakir dan miskin bagi meringankan bebanan mereka susulan PKP 3.0</li> </ul>
10.	<b>MAIK (KELANTAN)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 604,000.00 (<b>Bakul Asnaf</b>)</li> <li>• RM 227,500.00 (<b>Masyarakat Orang Asli &amp; Guru Agama</b>)</li> <li>• RM 3.7 juta (<b>Bantuan Khas</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Prihatin MAIK COVID-19 Fasa 5 (Bakul Asnaf)</li> <li>• Program Prihatin MAIK COVID-19 Fasa 5 (Hamper Makanan KIR Orang Asli Kelantan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Sumbangan Khas Asnaf melalui <b>Bakul Asnaf</b> di Masjid Bandar, Jajahan dan Mukim.</li> <li>• <b>Sumbangan hamper</b> makanan kepada 4550 KIR Orang Asli Kelantan.</li> <li>• <b>Bantuan Khas</b> kepada asnaf fakir &amp; miskin</li> </ul>
11.	<b>MUIP (PAHANG)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 465,000.00 (<b>Bantuan Keperluan Asas</b>)</li> <li>• RM 110,000.00 (<b>Bantuan Makanan Gelandangan</b>)</li> <li>• RM 5.25 juta (<b>Bantuan Prihatan Zakat</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Keperluan Asas</li> <li>• Bantuan Makanan Gelandangan</li> <li>• Bantuan Prihatin Zakat (COVID-19 PKP 3.0)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bantuan Keperluan Asas</b> kepada kawasan-kawasan PKPD seperti beras, gula dan lain-lain berjumlah 9309 penerima.</li> <li>• <b>Bantuan Makanan Gelandangan</b> terutamanya kepada komuniti di Jalan Wong Ah Jang yang berjumlah 344 orang.</li> <li>• <b>Bantuan Prihatan Zakat</b> merupakan sumbangan khas bagi membantu golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap secara bulanan serta terkesan dan terjejas pendapatan akibat PKP 3.0. Skim bantuan ini kali pertama diperkenalkan dan diberi secara <i>one-off</i> sebanyak RM200-RM300 kepada 19,405 pemohon yang layak.</li> </ul>
12.	<b>MUIS (SABAH)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 120,469,481 (<b>Bantuan One-Off</b>)</li> </ul>	<b>Bantuan Sabah Prihatin 3.0:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bantuan One-Off RM300</b> ini membabitkan seramai 370,432 penerima.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 34,366,500.00 (<b>Bantuan Khas Bakul Makanan</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan <i>One-Off</i> RM300</li> <li>• Bantuan Khas Bakul Makanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bantuan Khas Bakul Makanan</b> diagihkan kepada golongan khususnya asnaf yang terjejas susulan PKP 3.0 sebanyak 4000 bakul makanan.</li> </ul>
13.	<b>MIS (SARAWAK)</b>	<i>Tidak dinyatakan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Pek Makanan Kasih Kenyalang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Pek Makanan Kasih Kenyalang ini diagihkan mengikut cawangan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) di negeri Sarawak.</li> </ul>
14.	<b>MAIWP (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA &amp; LABUAN)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 3 juta (<b>Bantuan Zakat Kecemasan 3.0 #MusaadahCOVID19 MAIWP</b>)</li> <li>• RM 12.1 juta (<b>Bantuan Zakat Khas Tambahan MAIWP</b>)</li> <li>• RM 38.9 juta (<b>Program MAIWP Prihatin-Kasih Asnaf 3.0</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Zakat Kecemasan 3.0 #MusaadahCOVID19 MAIWP</li> <li>• Bantuan Zakat Khas Tambahan MAIWP</li> <li>• Program MAIWP Prihatin-Kasih Asnaf 3.0</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MAIWP menawarkan <b>Bantuan Kecemasan</b> kepada mereka yang terjejas pendapatan dan tidak menerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP. Antara bantuan yang diberikan ialah bantuan makanan harian sepanjang PKP bernilai RM49,000 yang melibatkan 678 bungkus sehari.</li> <li>• <b>Bantuan Zakat Khas MAIWP</b> ini merupakan bantuan tambahan yang diberikan secara automatik kepada 24196 penerima Bantuan Kewangan Bulanan sebanyak RM500 <i>one-off</i>.</li> <li>• <b>Program MAIWP Prihatin-Kasih Asnaf 3.0</b> memberi manfaat kepada 75210 penerima di Wilayah Persekutuan. Bantuan berupa barangan keperluan asas agar tiada rumah yang terputus bekalan makanan melalui dana wakalah Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP).</li> </ul>

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri

## 5.0 Kesimpulan

Islam amat mementingkan keperluan seseorang daripada segi jasmani mahupun rohani demi menjaga keselamatan dan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Makanan memainkan peranan penting dalam pembentukan kesihatan jasmani manusia. Ketiadaan makanan boleh menyebabkan kematian, makanan yang tidak cukup akan menyebabkan penyakit yang teruk manakala kurang makan makanan yang berzat pula boleh menyebabkan penyakit yang tidak teruk tetapi ia akan mengganggu keselesaan seseorang. Antara faktor berlaku ketidakselamatan makanan ini adalah disebabkan masalah ekonomi dan pendapatan. Pandemik COVID-19 yang melanda negara memberi kesan kepada kekurangan atau kehilangan pendapatan oleh banyak pihak susulan dari PKP yang dilaksanakan bagi membendung wabak dari merebak. Justeru pihak yang bertanggungjawab iaitu MAIN dan Institusi Zakat di setiap negeri telah memainkan peranan penting dalam membantu golongan-golongan yang terkesan. Pelbagai bentuk bantuan diberikan antaranya bantuan kewangan secara one-off dan berterusan, kit makanan, bank makanan dan pelbagai bantuan yang lain yang sesuai ketika pandemik ini. Usaha yang dijalankan ini perlu diketengahkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya ibadah zakat dan sedekah dilaksanakan.

## 6.0 Rujukan

- Ab Halim, N. & Mohd Yusof, R. (2015). Jaminan bekalan makanan di Malaysia: Perspektif pemain industri. *Economic and Technology Management Review*, 10a, 1-10. [http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.10a%20\(2015\)/Vol10a%20\(1\).pdf](http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.10a%20(2015)/Vol10a%20(1).pdf)
- Ab Manap, A. H. (2021, Februari 2). RM600,000 Diperuntukkan MAIM Untuk Kit Makanan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/pkp-rm600000-diperuntukkan-maim-untuk-kit-makanan/>
- Abd Mutalib, Z. (2021). MAIWP Terus Inisiatif Bantu Asnaf, B40 Terjejas COVID-19. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/822093/maiwp-terus-inisiatif-bantu-asnaf-b40-terjejas-covid-19>

- Ahmad Zaidi, H. (2021, Jun 2). MAIK Peruntuk RM9.78 juta Bantu Rakyat Terjejas COVID-19. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/823438/maik-peruntuk-rm978-juta-bantu-rakyat-terjejas-covid-19>
- Ahmad, S. (2021, Julai 3). MAIWP Agih 450 Bakul Makanan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/835081/maiwp-agih-450-bakul-makanan>
- al-Qurtubi, Abi al-Walid Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rusyd. (1996). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Jil. 3. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sayyid, Sabiq. (1985). *Fiqh al-Sunnah*. Jil.2. Dar al-Kutub al-'Arabi
- Ammituh, R. & Abdullah, B. (2020). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah. *Open Educational Resources Centre*. [http://oer.ums.edu.my/handle/oer\\_source\\_files/1293](http://oer.ums.edu.my/handle/oer_source_files/1293)
- Aziz @Dorashid, A.R. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,5(11), 1-9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.1.53.9>
- Bakar, B. (2021, Jun 10). PKP: MAIDAM Peruntuk RM4.3 juta Bantu Asnaf. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/826241/pkp-maidam-peruntuk-rm43-juta-bantu-asnaf>
- Britannica. (2021, Julai 20). *Food*. Retrieved from <https://www.britannica.com/topic/food>
- Che Noh, N. (2021, Julai 2). LZS Peruntukkan RM69.3 juta Bantu Asnaf, B40. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834667/lzs-peruntukkan-rm693-juta-bantu-asnaf-b40>
- De Silva, M., Tingkas, E., Lai, Y. M., Baco, Z., Peters, D., & Awang Jambo, D. J., (2021). Masalah Sekuriti Makanan Sebelum dan Semasa Pandemik Covid-19: Kajian kes di New Zealand. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 1-17. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.832>
- Hasbullah, N. A. & Ab Rahman, A. (2020). Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik Covid-19 dari Perspektif Ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(Special Issues), 71-89. <https://jmifr.usim.edu.my/index.php/jmifr/article/view/285/201>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia*. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Jureid. (2020). Ekonomi Syariah Sebagai Alternatif Kesejahteraan Ekonomi Masyarakat Pada Era Covid-19. *Jurnal Kajian Ekonomi dan Kebijakan Publik*, 5(2). 224-236. <http://jurnal.pancabudi.ac.id/index.php/jepa/article/view/910/861>
- Kadir, A., Hakim, M. R., Syam, F. & SA Karim, M. (2020). Penggunaan Dana Zakat Pada Korban Covid-19 Perspektif Maqashid Syariah. *Al-Tafaquh: Journal of Islamic Law*. 1(2), 107-116. <https://www.jurnal.fai.umi.ac.id/index.php/tafaquh/article/view/61/49>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2021). *Piramid Makanan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/piramid-makanan-malaysia/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2021). *Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). (2012). *Agihan Khas Zakat*. <https://www.zakatkedah.com.my>
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). (2021). *Boleh Ambil Makanan Asas di 578 Masjid Seluruh kedah*. <https://www.zakatkedah.com.my/boleh-ambil-makanan-asas-di-578-masjid-seluruh-kedah/>
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). (2021). *Zakat Selangor Peduli*. <https://www.zakatselangor.com.my/peduli/>
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). (2021). *Zakat Selangor Peduli: LZS Peruntukan RM69.3 juta Santuni Asnaf dan Golongan Terkesan*. <https://www.zakatselangor.com.my/?m==>
- Pejabat Perdana Menteri. (2021). *Kenyataan Media Berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2021/05/kenyataan-media-berkenaan-pkp-3-0-2/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2021). *Pelaksanaan Program Prihatin MAIK COVID-19 (Fasa 5)*. <https://www.e-maik.my/v2/images/kenyataan-media/Kenyataan-Media-Bantuan-Prihatin-MAIK-Covid-19-Fasa-5.pdf>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). (2021). *Bantuan Khas COVID-19*. <https://www.maips.gov.my/index.php?lang=ms>

- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK). (2021). *Majlis Pelancaran Bank Makanan (Food Bank) MAIPK di Bagan Datuk*. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/info/berita/1590-majlis-pelancaran-bank-makanan-food-bank-maipk-di-bagan-datuk.html>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (2021). *Bantuan Segera One-Off Asnaf PKPD & PKP 3.0*. <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/laman-utama>
- Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). (2021). *Pemberian Bantuan Khas MAIM COVID-19 Negeri Melaka*. <https://www.maim.gov.my/index.php/my/pengumuman/1225-bantuan-covid>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2021). *Bantuan Keperluan Asas*. <https://www.maij.gov.my/archives/6405>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2021). *Bantuan Tambahan 'One Off' RM100 Kepada 20507 Penerima Bantuan Bulanan*. <https://www.maij.gov.my/archives/5613>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2021). *Gerobok Makanan Masih Lagi Dibuka*. <https://www.maij.gov.my/archives/6454>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2021). *Inisiatif Bantuan Khas Zakat*. <https://www.maij.gov.my/archives/6374>
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). (2021). *Bantuan Zakat Khas PKP 3.0*. <https://www.mains.gov.my/covid3/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2021). *Food On The Asnaf Table*. <https://www.facebook.com/maiwp/hq/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2021). *Maklumat Bantuan Kecemasan #MusaadahCOVID19 MAIWP*. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/maklumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp>
- Majlis Uqama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). (2021). *Sumbangan Prihatin Zakat (SPZ) MUIP*. <http://www.muip.gov.my/v4/baitulmal/zakat/sumbangan-prihatin-zakat/>
- Majlis Uqama Islam Sabah (MUIS). (2021). <https://appszakat.sabah.gov.my>
- Mamat, A. (2021, Jun 18). Melaka Sediakan Pakej Rangsangan RM174.53 juta. *Berita Harian*. (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/829305/melaka-sediakanpakej-rangsangan-rm17453-juta>)
- Media Baharu (2021, Julai 2). Bantuan MAINS Untuk B40, Golongan Hilang Pekerjaan dan Penjaja Kecil. *Berita RTM*. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/covid19/28709-bantuan-mains-untuk-b40-golongan-hilang-pekerjaan-dan-penjaja-kecil>
- Shafie, S., Nazri, MA & Hussin, H. (2019). Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(3), 70-84. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/74/68>
- Syafi'i, Muhammad bin Idris al- (2002), al-Umm, Jil.2. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Sinar Harian. (2021, Julai 2). MAIPs Salur Bantuan Tambahan RM1.03 juta Melalui Masjid <https://www.sinarharian.com.my/article/147710/EDISI/MAIPs-salur-bantuan-tambahan-RM103-juta-melalui-masjid>
- Sulaiman, N. (2004). *"Status Pemakanan dan Kesihatan Golongan Berpendapatan Rendah", Golongan Berpendapatan Rendah, Realiti dan Cabaran*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak (TBS). (2021). *Bantuan Pek Makanan Kasih Kenyalang*. <https://www.tbs.org.my/www/>
- The United Nations Development Programme (UNDP). *The SDGS in Action*. <https://www.undp.org/sustainable-development-goals#>
- United Nation (UN). *End Hunger, Achieve Food Security And Improved Nutrition And Promote Sustainable Agriculture*. <https://sdgs.un.org/goals/goal2>
- United Nation (UN). *United Nations World Food Programme*. <https://www.wfp.org/zero-hunger>
- Wahbah, Zuhaili. (1989). *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Dar al-Fikr
- World Health Organization (WHO). (2021, Julai 20). *Coronavirus (COVID-19) data*. <https://www.who.int/data>
- Zainol, N. Z. N., Abd Khalim, M., Wan Zahari, W. A. M., & Kuangit@Abdullah, A. (2021). Peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Akibat Pandemi Covid-19. *Insla eProceeding*, 4(1), 4–10. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/83>
- Zakat Pulau Pinang (ZPP). (2021). *Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 Fasa 3*. <https://zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/9-uncategorised>
- Zakat Pulau Pinang (ZPP). (2021). *Skim Bantuan Makanan Kecemasan ZPP*. <https://zakatpenang.com/zpp/index.php/rm1-5-juta-untuk-skim-bantuan-makanan-kecemasan-zpp>